- 6.3 Jumlah korum Mesyuarat ALK dan Mesyuarat Khas ALK selaras dengan Undang-Undang Kecil mestilah melebihi enam (6) kali setahun.

6.4 Rekod kehadiran ALK adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Anggota	Kehadiran Mesyuarat	
		ALK	Khas
1.	Dato' Hajah Sarwah binti Mohamed Jusoh	5/5	4/4
2.	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	4/5	4/4
3.	Puan Hajah Hasna' bin Mohamad Taib	5/5	4/4
4.	Puan Nor Zaini binti Mamat	5/5	4/4
5.	Encik Nurul Fakhri bin Hamzah	5/5	3/4
6.	Encik Khairul Anuar bin Basir	5/5	4/4
7.	Tuan Haji Ahmad Zamri bin Abd. Wahab	5/5	4/4
8.	Encik Zaiful Kamil bin Sabri	5/5	4/4
9.	Encik Mohd Amir Bin Bohari	5/5	4/4
10.	Tuan Haji Ahmad Radzi Bin Lokma @ Lokman	2/2	2/3
11.	Encik Che Wan Mahadzir Bin Che Wan Samsudin	5/5	4/4
12.	Encik Yahaya Bin Rashid	2/2	1/3
13.	Puan Hajah Sharifah Norjannah Binti Syed Agil	3/3	1/1
14.	Encik Ahmad Shahrir Bin Mazlan	3/3	1/1

7.0 PRESTASI KESELURUHAN KOPERASI TAHUN 2025

7.1 HASIL KENDALIAN

- 7.1.1 Pendapatan daripada semua aktiviti Koperasi bagi tahun 2025 berjumlah RM18,612,460.00 meningkat berbanding pendapatan bagi tempoh yang sama tahun 2024 yang berjumlah RM16,001,205.00 .
- 7.1.2 Pendapatan Koperasi disumbangkan daripada aktiviti perladangan (RM6,840,324.00), aktiviti pembekalan baja (RM4,552,126.00) aktiviti perkhidmatan takaful (RM2,487,016.00), aktiviti pengangkutan (RM307,356.00), aktiviti pelaburan (RM489,591.00), aktiviti sewaan premis bangunan dan pencawang (RM239,439.00) dan bakinya dari aktiviti kredit dan lain-lain.
- 7.1.3 Pendapatan utama Koperasi disumbangkan oleh aktiviti perladangan adalah dengan jumlah RM6,840,324.00 . Pendapatan dari aktiviti ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2024 yang berjumlah RM7,011,248.00 . Pembekalan baja merupakan pendapatan kedua tertinggi bagi Koperasi yang berjumlah RM4,552,126.00 . Koperasi berjaya mendapatkan tender pembekalan baja dengan PKPP Agro Sdn. Bhd. dan PKPP Plantation Sdn. Bhd.
- 7.1.4 Aktiviti perkhidmatan takaful kekal menjadi penyumbang ketiga terbesar pendapatan Koperasi dengan jumlah RM2,487,016.00 . Aktiviti ini melibatkan perkhidmatan takaful kenderaan dan am yang ditawarkan oleh Koperasi kepada Anggota, PKPP dan syarikat kumpulan PKPP. Komisen bersih yang diperolehi berjumlah RM306,019.00 .

- 7.1.5 Pendapatan daripada aktiviti pelaburan bagi tahun 2025 berjumlah RM489,591.00 . Pendapatan ini diperolehi daripada pulangan atas pelaburan termasuk dividen untuk ekuiti Dominion Square Sdn. Bhd., dividen Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Co-opbank Pertama, dividen simpanan tetap dan hibah akaun semasa dan lain-lain pelaburan.
- 7.1.6 Pendapatan daripada aktiviti sewaan yang merangkumi sewaan premis bangunan, sewaan pencawang dan jentera berjumlah RM546,795.00 untuk tahun 2025.
- 7.1.7 Susulan daripada itu, keuntungan bersih tahun 2025 menurun kepada RM3,223,205.00 berbanding tahun 2024 yang mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM3,401,649.00 .
- 7.1.8 Perolehan Yuran/Fee masuk menjadi Anggota bagi 2025 berjumlah RM520.00 .
- 7.1.9 Bayaran emolumen dan perbelanjaan am seperti gaji, kos operasi dan lain-lain perbelanjaan adalah di dalam keadaan terkawal dan tidak melebihi Bajet 2025.
- 7.1.10 Perbelanjaan mengendalikan Mesyuarat Agung Ke-40 (2025) berjumlah RM397,051.00 kerana disambut bersama Sambutan 50 Tahun Koperasi.

8.0 PENGAGIHAN HASIL KENDALIAN

- 8.1 Keuntungan bersih Koperasi selepas pelarasan operasi bagi tahun 2025 berjumlah RM3,223,205.00 . Keuntungan ini telah diagihkan kepada beberapa pembahagian tertentu seperti berikut sebagai memenuhi kehendak Akta Koperasi :-
 - i) 12% berjumlah RM386,910.00 diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori;
 - ii) 2% berjumlah RM64,485.00 diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi; dan
 - iii) 1% berjumlah RM32,243.00 diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.
- 8.2 Selepas diagihkan kepada Pembahagian Berkanun seperti yang tersebut di atas, bakinya pula diperuntukkan kepada bayaran-bayaran seperti di bawah :-
 - i) Dividen (Modal Syer 10%) berjumlah RM213,250.00;
 - ii) Dividen (Modal Yuran 10%) berjumlah RM1,364,082.00;
 - iii) Honorarium Anggota Lembaga berjumlah RM80,000.00;
 - iv) Kumpulan Wang Kebajikan Am berjumlah RM50,000.00;
 - v) Kumpulan Wang Khairat Kematian dan Bantuan Musibah berjumlah RM60,000.00;
 - vi) Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan berjumlah RM60,000.00;
 - vii) Kumpulan Wang Derma dan Pemberian Tertentu berjumlah RM200,000.00;
 - viii) Kumpulan Wang Ehsan berjumlah RM200,000.00;
 - ix) Kumpulan Wang Penebusan Syer berjumlah RM50,000.00; dan
 - x) Kumpulan Wang Tanam Semula Ladang berjumlah RM120,000.00

8.3 Dividen Modal Syer dan Modal Yuran.

Koperasi merancang untuk membayar dividen Modal Syer dan Modal Yuran selepas Mesyuarat Agung Tahunan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

8.4 Kumpulan Wang Derma & Pemberian Tertentu dan Kumpulan Wang Ehsan.

Koperasi juga akan mengagihkan Kumpulan-kumpulan wang tersebut kepada **Anggota yang layak** iaitu Anggota yang mempunyai sekurang-kurangnya Modal Saham berjumlah RM1,000.00 dan Modal Yuran berjumlah RM6,000.00 Bayaran kumpulan wang lain akan dibayar sempena Hari Raya Aidil Fitri 2026 dan sebelum penggal baru persekolahan 2027. Pada 2025, Koperasi telah membayar sejumlah RM400.00 daripada Kumpulan Wang Pemberian Tertentu dan RM250.00 daripada Kumpulan Wang Ehsan kepada Anggota yang layak.

8.5 Zakat Pendapatan.

Bagi tahun 2025, Koperasi telah memperuntukkan sejumlah RM115,000.00 sebagai menunaikan kewajipan membayar zakat.

9.0 KEDUDUKAN PEGANGAN MODAL SYER DAN YURAN ANGGOTA

9.1 Jumlah pegangan Modal Syer terkumpul Anggota menunjukkan penurunan berjumlah RM28,400.00 yakni RM2,104,095.00 pada tahun 2025 berbanding RM2,132,495.00 pada tahun 2024. Jumlah Modal Syer yang ditebus oleh Anggota dalam tahun 2025 berjumlah RM54,000.00 .

9.2 Pecahan pegangan Modal Syer Anggota adalah seperti di bawah :-

RM100.00 hingga RM5,000.00	-	669 orang
RM5,001.00 hingga RM10,000.00	-	32 orang
RM10,001.00 hingga RM40,000.00	-	60 orang
RM40,001.00 dan ke atas	-	2 orang

9.3 Manakala Modal Yuran terkumpul Anggota bagi tahun 2025 berjumlah RM13,895,613.00 meningkat RM461,348.00 berbanding RM13,434,265.00 pada tahun 2024. Bagi tahun 2025, penebusan Modal Yuran Anggota berjumlah RM547,835.00 .

9.4 Pecahan pegangan Modal Yuran terkumpul Anggota adalah seperti di bawah:

RM50.00 hingga RM1,000.00	-	44 orang
RM1,001.00 hingga RM5,000.00	-	196 orang
RM5,001.00 hingga RM10,000.00	-	156 orang
RM10,001.00 hingga RM50,000.00	-	299 orang
RM50,001.00 hingga RM100,000.00	-	46 orang
RM100,001.00 hingga RM200,000.00	-	22 orang

9.5 Bagi tahun 2025, Koperasi masih menguatkuasa kawalan Modal Syer dan Modal Yuran yang telah diputuskan pada tahun 2013 iaitu menghadkan caruman tahunan RM6,000.00 Modal Yuran.

- 9.6 Anggota baru hanya dibenarkan melanggan Syer minimum sejumlah RM1,000.00 sebagai kelayakan untuk mendapatkan manfaat sebagai Anggota.

10.0 PERANCANGAN 2026

10.1 Penambahan Keluasan Tanah Ladang

Koperasi akan terus berusaha untuk memperolehi tambahan tanah ladang sekurang-kurangnya seluas 500 hektar lagi. Strategi yang akan digunakan untuk penambahan ini adalah melalui permohonan tanah kerajaan, pembelian tanah ladang yang bersesuaian atau memajak tanah ladang.

10.2 Memaksimumkan Hasil Pendapatan Dari Sewaan Bangunan

Koperasi memiliki empat (4) buah bangunan kedai pejabat, iaitu dua (2) di Bandar Tun Razak Jengka, satu (1) di pusat komersil batu 3 Jalan Gambang dan satu (1) di Sg. Isap, Kuantan. Koperasi akan berusaha untuk memastikan kesemua bangunan ini diisi dengan penyewa dan kutipan bayaran akan dibuat secara berkala.

10.3 Kempen Membeli Melalui Koperasi

Koperasi sentiasa berusaha untuk menambahkan pendapatan melalui penawaran pelbagai aktiviti perniagaan kepada kumpulan PKPP dan anggota. Pelbagai perkhidmatan disediakan dan kempen dibuat secara agresif supaya semua Anggota menyedari akan perkhidmatan yang ditawarkan selain menggalakkan Anggota membeli produk-produk yang ditawarkan oleh Koperasi. Antaranya ialah produk takaful dan menambah senarai pembekal kepada Anggota. Selain Anggota, Koperasi juga menyasarkan kepada Kumpulan PKPP untuk menjadi pelanggan kepada perkhidmatan yang di tawarkan oleh Koperasi.

10.4 Tanam Semula Kelapa Sawit

Koperasi telah melaksanakan program tanam semula kelapa sawit bagi Ladang Sepayang, Rompin awal 2023 dan Ladang RTP Sepayang pada tahun 2024. Koperasi juga telah melantik PKPP Agro Sdn. Bhd. untuk melaksanakan program tanam semula ini.

10.5 Pelan Strategik Koperasi LKPP Pahang Berhad 2025-2029

Koperasi telah menyediakan pelan strategik bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2025 hingga 2029. Pelan strategik ini akan menjadi panduan kepada Koperasi di dalam merangka aktiviti perniagaan bagi tempoh tersebut. Pelan strategik ini disesuaikan dengan Pelan Strategik PKPP bagi tempoh yang sama supaya aktiviti yang akan diceburi oleh Koperasi boleh diselaraskan dengan harapan Koperasi boleh menerima sedikit sebanyak manfaat dari Kumpulan PKPP bagi menjana pendapatan dan keuntungan kepada Koperasi.

10.6 Penyewaan Jentera Pertanian

Ketika ini, Koperasi memiliki 12 buah jentera pertanian yang meliputi traktor dan *grabber* yang disewakan kepada PKPP Plantation Sdn. Bhd dan PKPP Agro Sdn. Bhd. Aktiviti ini telah menyumbang pendapatan tetap secara bulanan kepada Koperasi. Koperasi bersedia untuk mengembangkan lagi aktiviti ini di masa hadapan sekiranya mendapat peluang daripada syarikat-syarikat Kumpulan PKPP yang lain.

11.0 CABARAN TAHUN 2025

- 11.1 Dalam tahun 2025 ini, penanaman semula Ladang Sepayang dan RTP Sepayang, Rompin memberikan kesan kepada pendapatan keseluruhan Koperasi. Isu kenaikan kadar upah tenaga kerja asing (TKA) dan kenaikan harga input pertanian seperti baja serta racun terutamanya di dalam sektor perladangan kelapa sawit membataskan peluang untuk Koperasi memaksimumkan pendapatan daripada aktiviti perladangan. Walaubagaimanapun, Koperasi akan berusaha melalui agen-agen pengurusan ladang untuk menangani permasalahan ini.
- 11.2 Untuk memaksimumkan pendapatan melalui kawalan perbelanjaan operasi perladangan. Koperasi telah mengambil langkah untuk memantau kos operasi ladang . Diharapkan langkah ini akan meningkatkan lagi penghasilan ladang selain kawalan perbelanjaan operasi yang lebih rendah dapat dicapai.
- 11.3 Pengharapan Anggota kepada Koperasi juga meningkat dari masa ke semasa. Adalah menjadi tanggungjawab yang sangat besar kepada ALK dan seluruh kakitangan Koperasi untuk memenuhi harapan ini. Koperasi akan berusaha untuk memastikan Koperasi ini menjadi punca pendapatan kedua utama kepada Anggota selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Koperasi sebagai punca kedua utama yang menyumbang kepada pendapatan negara.
- 11.4 Koperasi akan berusaha untuk memastikannya sentiasa tersenarai di dalam kedudukan 100 buah koperasi terbaik negara melalui peningkatan hasil dan keuntungan dari tahun ke tahun. Alhamdulillah, tahun 2025 Koperasi telah tersenarai di nombor ke 53 di dalam 100 buah koperasi terbaik di Malaysia.

12.0 RUMUSAN

- 12.1 Secara keseluruhannya, Koperasi LKPP Pahang Berhad berada di dalam keadaan yang baik dan terkawal melalui tadbir urus yang baik. Koperasi akan sentiasa berusaha menjadi entiti yang boleh dibanggakan oleh Anggota bukan sahaja melalui pulangan yang diberikan, tetapi juga melalui kepelbagaian aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada Anggota.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PERLADANGAN DAN PELABURAN
TAHUN 2025/2026

1. FUNGSI

- 1.1 Mengkaji, merancang dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian khususnya perladangan kelapa sawit yang mempunyai potensi sebagai bidang keberhasilan utama Koperasi;
- 1.2 Mengenal pasti dan mengkaji peluang-peluang pelaburan dan perniagaan baru yang relevan untuk meningkatkan pendapatan serta keuntungan Koperasi;
- 1.3 Menilai skim-skim pelaburan dalam syer siar harga atau syer tak siar harga; dan
- 1.4 Menyediakan laporan prestasi kegiatan dan pelaburan Koperasi yang berkaitan untuk dipertimbangkan oleh Anggota Lembaga Koperasi.

2. SENARAI AHLI JAWATANKUASA

- 2.1 Jawatankuasa bagi sesi tahun 2025/2026 yang dilantik pada 12 September 2025 adalah terdiri daripada Anggota berikut :-

Pengerusi	:	Encik Zaiful Kamil bin Sabri	- ALK
Setiausaha	:	Encik Muhammad Amiludin bin Md Isa	
Ahli-ahli	:	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	- ALK
		Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib	- ALK
		Encik Nurul Fakhri bin Hamzah	- ALK
		Encik Mohd Amir bin Bohari	- ALK
		Encik Isazali bin Mat Isa	
		Encik Saravanan A/L Anthony Muttu	
		Encik Zakaria bin Abdullah	
		Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	
		Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari	
		Puan Nurul Huda binti Ismail	

3. KEKERAPAN MESYUARAT

- 3.1 Bagi sesi 2025/2026, jawatankuasa ini telah mengadakan satu (1) kali mesyuarat iaitu pada 30 Disember 2025.

3.2 Kehadiran Anggota Jawatankuasa dalam mesyuarat adalah seperti berikut :-

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>Kehadiran</u>
1	Encik Zaiful Kamil bin Sabri	1/1
2	Encik Muhammad Amiludin bin Md Isa	1/1
3	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	1/1
4	Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib	1/1
5	Encik Nurul Fakhri bin Hamzah	1/1
6	Encik Mohd Amir bin Bohari	1/1
7	Encik Isazali bin Mat Isa	1/1
8	Encik Saravanan A/L Anthony Muttu	1/1
9	Encik Zakaria bin Abdullah	1/1
10	Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	1/1
11	Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari	1/1
12	Puan Nurul Huda binti Ismail	1/1

4.0 LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI

4.1 Pelaburan Hartanah Ladang

4.1.1 Koperasi memiliki sepuluh (10) buah ladang seluas 672.792 hektar yang ditanam dengan tanaman kelapa sawit.

4.1.2 Bagi tahun 2025, penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) di kesemua ladang milik Koperasi mencatatkan penurunan sebanyak 6.76% iaitu 490.91 metrik tan yang berjumlah 6,766.26 metrik tan berbanding tahun 2024 yang berjumlah 7,257.17 metrik tan.

4.1.3 Jadual berikut menunjukkan penghasilan ladang kelapa sawit Koperasi bagi tempoh 5 tahun :-

Tahun	Penghasilan BTS (metrik tan)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2021	5,044.60	3,171,345.28	628.66
2022	5,254.41	2,749,890.00	523.35
2023	6,769.03	2,004,815.22	296.17
2024	7,257.17	3,512,118.32	483.95
2025	6,766.26	3,192,591.51	471.84

4.1.4 Berikut adalah maklumat berkaitan ladang-ladang milik Koperasi :-

a) **Ladang Sepayang, Rompin - 150 Hektar**

i) Ladang ini telah ditanam semula sejak tahun 2023.

b) Ladang Sri Inai, Pekan – 107.79 Hektar

- i) Bagi tahun 2025, ladang ini telah mencatatkan peningkatan pendapatan bersih 9.17% iaitu RM 540,766.86 berbanding tahun 2024 yang mencatatkan pendapatan berjumlah RM 495,324.50. Ladang ini menyumbang 16.93% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Hasil BTS tahun 2025 adalah 1,042.20 tan metrik iaitu berkurang 6.28% jika dibandingkan tahun 2024 yang berjumlah 1,112.05 tan metrik.
- iii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTS (tan metrik)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2021	832.49	501,311.60	602.18
2022	1,367.19	791,954.86	579.26
2023	1,311.75	579,268.79	441.60
2024	1,112.05	495,324.50	445.42
2025	1,042.20	540,766.86	518.87

- iv) Ladang berkenaan juga diuruskan secara Mudarabah dengan pihak PASB pada nisbah 80:20 iaitu 80% Koperasi dan 20% PASB.

c) Ladang Sungai Cherung, Pekan – 103.98 Hektar

- i) Ladang ini telah menghasilkan pendapatan bersih pada tahun 2025 berjumlah RM 347,304.24 iaitu penurunan sebanyak 14.33% dari tahun 2024 yang berjumlah RM 405,424.58. Ladang ini menyumbang 10.87% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) BTS yang dihasilkan tahun 2025 berjumlah 785.30 tan metrik yang mencatatkan penurunan 18.81% dari tahun 2024 yang berjumlah 967.34 tan metrik.
- iii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih tahunan adalah seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTS (tan metrik)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2021	765.44	440,993.55	576.13
2022	1,417.91	861,432.18	607.54
2023	1,426.82	632,022.88	442.96
2024	967.34	405,424.58	419.11
2025	785.30	347,304.24	442.26

- iv) Ladang tersebut juga diuruskan oleh PASB dengan kadar Mudarabah pada nisbah 80:20 iaitu 80% Koperasi dan 20% PASB.

d) Ladang Sungai Tenang, Temerloh – 102.79 Hektar

- i) Penghasilan bersih ladang ini bagi tahun 2025 berjumlah RM 546,178.04 menurun 27.51% dari tahun 2024 yang berjumlah RM 753,435.87. Ladang ini menyumbang 17.11% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Penghasilan BTS pada tahun 2025 ialah 1,253.94 tan metrik meningkat sebanyak 14.69% dari tahun 2024 yang mencapai 1,469.96 tan metrik.
- iii) Perbandingan penghasilan dan keuntungan bersih adalah seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTB (tan metrik)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2021	1,475.58	932,756.21	632.13
2022	1,227.74	706,244.52	575.24
2023	1,205.84	269,792.10	223.74
2024	1,469.96	753,435.87	512.56
2025	1,253.94	546,178.04	435.57

- iv) Ladang tersebut diuruskan secara Mudarabah bersama PPSB pada nisbah 80:20 iaitu Koperasi 80% dan 20% PPSB.

e) Ladang Pongsoi, Lanchang – 90.3 Hektar

- i) Bagi tahun 2025, ladang ini telah mencatatkan penurunan 16.54% dalam pendapatan bersih berjumlah RM 602,172.99 berbanding tahun 2024 yang berjumlah RM 721,525.16. Ladang ini menyumbang 18.86 % bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
- ii) Penghasilan BTS pada 2025 ialah 1,434.43 tan metrik menurun 5.70% dari tahun 2024 yang mencapai 1,521.15 tan metrik. Perbandingan seperti berikut :-

Tahun	Penghasilan BTB (tan metrik)	Keuntungan Bersih	
		(RM)	(RM/ MT BTS)
2020	1,353.57	152,044.10	112.33
2021	1,326.54	738,323.73	556.58
2022	959.27	426,258.94	444.36
2023	1,277.31	194,796.20	152.51
2024	1,521.15	721,525.16	474.33
2025	1,434.43	602,172.99	419.80

- iii) Ladang berkenaan juga diuruskan oleh PPSB secara Mudarabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan 20% PPSB.
- iv) Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) Ladang Pongsoi dijangka akan diselesaikan pada bulan Mac 2030.

- f) Ladang Bukit Dinding – 10.08 Hektar**
- i) Bagi tahun 2025, ladang ini telah menghasilkan pendapatan bersih berjumlah RM 187,147.00 meningkat sebanyak 15.51% berbanding tahun 2024 yang berjumlah RM 162,008.51. Ladang ini menyumbang 5.86% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
 - ii) Penghasilan BTS pada 2025 ialah 334.11 tan metrik. Ladang berkenaan juga diuruskan oleh LCSB secara Mudarabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan 20% LCSB.
- g) Ladang Lembah Klau – 15.74 Hektar**
- i) Bagi tahun 2025 ladang ini telah mencatatkan pendapatan bersih berjumlah RM 188,281.88 dan menunjukkan penurunan sebanyak 9.08% berbanding tahun 2024 yang berjumlah RM 207,104.22. Ladang ini menyumbang 5.89% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
 - ii) Penghasilan BTS pada 2025 ialah 356.50 tan metrik. Ladang berkenaan juga diuruskan oleh PPSB secara Mudarabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan 20% PPSB.
- h) Ladang Kg Bongsu – 14.17 Hektar**
- i) Bagi tahun 2025, ladang ini telah mencatatkan peningkatan pendapatan bersih iaitu RM 259,679.00 sebanyak 16.84% berbanding tahun 2024 yang mencatatkan pendapatan berjumlah RM 222,251.05. Ladang ini menyumbang 8.13% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
 - ii) Penghasilan BTS pada 2025 ialah 444.09 tan metrik. Ladang berkenaan juga diuruskan oleh PPSB secara Mudarabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan 20% PPSB.
- i) Ladang RTP Sepayang – 4.432 Hektar**
- i) Ladang ini telah tanam semula pada tahun 2024
- j) Ladang Sg Ular – 73.51 Hektar**
- i) Bagi tahun 2025, ladang ini telah menghasilkan pendapatan bersih berjumlah RM 521,061.50 menurun sebanyak 3.34% berbanding tahun 2024 yang berjumlah RM 539,086.59. Ladang ini menyumbang 16.32% bagi keseluruhan pendapatan bersih ladang-ladang Koperasi.
 - ii) Penghasilan BTS pada 2025 ialah 1,115.69 tan metrik. Ladang berkenaan juga diuruskan oleh LCSB secara Mudarabah pada nisbah perkongsian keuntungan 80:20 iaitu Koperasi 80% dan 20% LCSB.

4.2 **Pembangunan Hartanah Bangunan**

4.2.1 **Bangunan Kedai Pejabat di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka**

- a) Koperasi mempunyai dua (2) unit lot kedai yang bernilai RM 2.19 juta hasil usahasama dengan LKPP Property Sdn. Bhd. (LPSB).
- b) Bangunan ini disewakan kepada Bank Islam (M) Berhad pada kadar RM 11,339.25 sebulan. Lain-lain unit bangunan ini juga disewakan kepada Raja Rozian dengan kadar sewaan bulanan RM 600.00 (Januari-Februari), Md Asri dengan kadar sewaan bulanan RM 700.00 (Jun-Oktober) dan sewaan berjumlah RM 700.00 sebulan kepada Mega A Empire sehingga kini.
- c) Syarikat Touch Matrix Sdn. Bhd. telah menyewa kawasan bumbung bangunan ini bagi tujuan pemasangan pencawang telekomunikasi pada kadar sewa RM 1,000.00 sebulan dan telah dinaikkan kadar sewaan kepada RM 1,050.00 bermula Mac 2025.

4.2.2 **Bangunan Kedai Sg Isap Jaya, Kuantan**

- a) Koperasi telah menyewakan bangunan tingkat bawah pada kadar sewa RM 2,200.00 bermula April 2024 sehingga kini kepada KK Supermart Sdn Bhd.

4.2.3 **Bangunan Pejabat *Commercial Centre* Batu 3, Gambang**

- a) Koperasi telah membeli bangunan ini pada harga RM 1.27 juta pada tahun 2017. Bangunan ini telah disewakan pada PKPP Plantation Sdn. Bhd. (PPSB) dan Teqmed Tech Sdn Bhd.
- b) PPSB telah menyewa bangunan ini pada kadar RM 2,500.00 sebulan dan telah tamat sewaan pada Jun 2025. Teqmed Tech masih menyewa bangunan tingkat bawah pada kadar RM 2,500.00 sebulan.

4.3 **Pelaburan dalam Dominion Square Sdn Bhd (DSSB) - Kilang Sawit**

- 4.3.1 Bagi tempoh berakhir 2025, Koperasi memiliki 20% pegangan ekuiti dalam Syarikat Dominion Square Sdn. Bhd.

4.4 **Sewaan Traktor kepada Ladang-Ladang Kumpulan PKPP**

4.4.1 Koperasi menjalankan aktiviti sewaan traktor kepada ladang-ladang milik PKPP yang diuruskan oleh PPSB dan PASB seperti berikut :-

Bil.	Ladang	Kadar Sewa (RM/Bulan)
1.	Pamah Lebar, Raub (Ladang Sawit)	3,430.00
2.	Kemayan, Bera	2,000.00
3.	Sg. Charu, Kuantan	9,900.00
4.	Sg. Machang, Kuantan	3,192.00
5.	Awam Lembah Klau, Raub	1,750.00
6.	RTP Lebu, Bentong	1,750.00
7.	Paloh Hinai, Pekan	2,500.00
Jumlah		24,522.00

4.5 **Pelaburan Dalam Syer**

4.5.1 Koperasi melanggan syer tak siar harga sepertimana berikut :-

Saham	Nilai Belian (RM)	Peratus Dividen (%)
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.	100,000.00	15.0
Co-op Bank Pertama	1,103,000.00	6.5
Dominion Square Sdn. Bhd.	1,683,824.00	10.00

4.6 **Pembekalan Baja ke Anak Syarikat Kumpulan PKPP**

4.6.1 Pihak Koperasi telah diberi kepercayaan untuk membekalkan baja kepada anak syarikat kumpulan PKPP iaitu PASB dan PPSB.

4.6.2 Koperasi dapat membekalkan sembilan (9) jenis baja ke PASB serta dua (2) jenis baja ke PPSB.

4.7 **Perancangan dan Aktiviti Semasa**

4.7.1 **Program Penanaman Semula Ladang Sawit**

Program menanam semula kawasan Ladang Sepayang telah dilaksanakan sejak tahun 2023 yang melibatkan kos RM 2,569,655.83. Ladang RTP Sepayang juga telah ditanam semula bermula tahun 2024 yang juga melibatkan kos sebanyak RM 46,880.12.

4.7.2 **Pembekalan Diesel**

Pihak Koperasi menjalankan perniagaan pembekalan diesel melalui kerjasama dengan syarikat Prestasi Setia Unggul Sdn Bhd. Pembekalan ini melibatkan ladang-ladang dibawah pengurusan LCSB, PASB dan PPSB.

5. **RUMUSAN**

Anggota jawatankuasa ini akan sentiasa berusaha memastikan segala aktiviti perladangan dan pelaburan yang diceburi mampu menjana keuntungan yang rasional melalui pengurusan yang cekap dan proaktif. Juga meneroka peluang-peluang baru bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk kesejahteraan ahli-ahli Koperasi.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PENGURUSAN,
KEWANGAN DAN PERDAGANGAN TAHUN 2025/2026

1. FUNGSI

- 1.1 Bertanggungjawab mengurus serta mengkaji Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi dari masa ke semasa, merangka dan menyediakan peraturan-peraturan yang ada di dalam pentadbiran Koperasi bagi melicinkan perjalanan pentadbiran Koperasi;
- 1.2 Menyediakan senarai tugas dan tanggungjawab kakitangan Koperasi termasuk laporan prestasi dan tindakan tatatertib;
- 1.3 Mengurus latihan, pendidikan dan kebajikan-kebajikan lain kepada Anggota Koperasi;
- 1.4 Bertanggungjawab memantau dan mengawasi segala urusan berkaitan dengan kewangan Koperasi;
- 1.5 Memantau dan menyelia penyediaan akaun Koperasi sehingga diaudit dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia;
- 1.6 Membantu menguruskan pinjaman daripada bank, institusi kewangan atau mana-mana agensi lain bagi mendapatkan pinjaman untuk Anggota Koperasi;
- 1.7 Menimbang dan meluluskan permohonan pinjaman daripada Anggota Koperasi;
- 1.8 Menimbang perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kewangan Koperasi, jika perlu;
- 1.9 Membantu menyediakan anggaran belanjawan dan unjuran kewangan tahunan Koperasi; dan
- 1.10 Menjalankan aktiviti perniagaan runcit seperti membekal alatan pejabat, bahan makanan, peralatan elektrik, telekomunikasi, motosikal dan lain-lain sebagai khidmat sampingan dan sokongan kepada Anggota dan aktiviti teras Koperasi iaitu tabungan dan pinjaman.

2. SENARAI AHLI JAWATANKUASA

- | | | | |
|-----|-------------------|---|-------|
| 2.1 | Pengerusi | : Encik Khairul Anuar bin Basir | - ALK |
| 2.2 | Setiausaha | : Puan Nurul Huda binti Ismail | |
| 2.3 | Ahli Jawatankuasa | : Encik Abd Hisham bin Mat Idrus | - ALK |
| | | Puan Hajah Hasna' binti Haji Mohamad Taib | - ALK |
| | | Puan Nor Zaini binti Mamat | - ALK |
| | | Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak | |
| | | Encik Ahmad Ridzuan bin Mohd Nordin | |
| | | Encik Mohammad Asyraf bin Md Nazir | |
| | | Encik Nizar Amzar bin Md Zaki | |
| | | Encik Rosmaini bin Abd Jalil | |
| | | Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari | |

3. KEKERAPAN MESYUARAT

- 3.1 Jawatankuasa ini bagi sesi tahun 2025/2026 telah mengadakan mesyuarat sebanyak satu (1) kali bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi jawatankuasa seperti jadual di bawah :-

Bil	Tarikh
1/2025	05 Disember 2025

3.2 Kehadiran ahli jawatankuasa ini ke mesyuarat yang diadakan adalah seperti jadual di bawah :-

Bil	Nama	Kekerapan
1.	Encik Khairul Anuar bin Basir	1/1
2.	Encik Abd Hisham Bin Mat Idrus	0/1
3.	Puan Hajah Hasna' Binti Haji Mohamad Taib	1/1
4.	Puan Nor Zaini binti Mamat	0/1
5.	Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	1/1
6.	Encik Ahmad Ridzuan bin Mohd Nordin	1/1
7.	Encik Mohammad Asyraf bin Md Nazir	1/1
8.	Encik Nizar Amzar bin Md. Zaki	1/1
9.	Encik Rosmaini bin Abd Jalil	1/1
10.	Puan Nurul Huda binti Ismail	1/1
11.	Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari	1/1

4. KEGIATAN DAN PERANCANGAN

4.1 Kursus/Latihan Bagi Kakitangan Dan Anggota Koperasi

- 4.1.1 Jawatankuasa ini juga diminta menyelaras program kursus dan latihan bagi Anggota Lembaga, Anggota, pengurusan dan kakitangan Koperasi yang berminat untuk menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA.
- 4.1.2 Jawatankuasa juga di dalam tindakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan kakitangan Koperasi melalui pengemaskinian Senarai Tugas, Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK).

4.2 Sumbangan Kecemerlangan Pendidikan

- 4.2.1 Pada 2025, Koperasi telah menyalurkan sumbangan pendidikan kepada anak-anak Anggota yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM/SMA, STPM/STAM selain anak-anak Anggota yang telah diterima masuk untuk melanjutkan pelajaran di IPTA/IPTS seluruh negara yang berjumlah **RM16,450.00** seperti dinyatakan di bawah :-

Peperiksaan	Bil. Penerima	Jumlah (RM)
SPM/SMA	17	5,950.00
STPM/STAM	-	-
IPTA/IPTS	21	10,500.00
Jumlah	38	16,450.00

4.3 Pembiayaan Dan Pinjaman Kewangan

4.3.1 Bagi tujuan di atas, sejumlah **RM816,978.00** telah diluluskan kepada Anggota seperti pecahan di bawah :-

Bil	Jenis Pinjaman	Jumlah Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM)
1	Tawarruq Pembiayaan Peribadi	1	24,000.00
2	Al-Murabahah Runcit	141	391,382.50
3	Pembiayaan Qard	-	-
4	Tawarruq Pembiayaan 80%	57	401,595.50
Jumlah		199	816,978.00

4.4 Sumbangan Khairat Kematian

4.4.1 Sepanjang tahun 2025, Koperasi telah menyalurkan sumbangan berjumlah **RM93,000.00** kepada **51** Anggota yang terlibat. Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan tanggungan Anggota terlibat di dalam urusan berkaitan.

4.5 Sumbangan Haji

4.5.1 Koperasi telah menyalurkan sumbangan haji berjumlah setiap seorang **RM1,000.00** kepada tujuh (7) Anggota yang terpilih sebagai tetamu Allah swt bagi menunaikan fardhu haji pada tahun 2025.

4.6 Bantuan Musibah

4.6.1 Koperasi juga telah menyalurkan sumbangan Bantuan Musibah seperti banjir, kebakaran, kemalangan, kecurian serta penyakit kritikal/kronik kepada Anggota. Bagi tahun 2025, sejumlah **RM800.00** telah disalurkan kepada seramai dua (2) Anggota Koperasi yang ditimpa musibah.

4.7 Perkhidmatan Takaful

4.7.1 Untuk tahun 2025, Koperasi masih menjadi ejen kepada syarikat takaful berikut :-

- i) Syarikat Takaful Malaysia Berhad;
- ii) Zurich General Takaful;
- iii) Etiqa Takaful Berhad dan
- iv) Takaful Ikhlas.

4.7.2 Pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti ini berjumlah **RM2,487,016.00** dengan pendapatan bersih dalam bentuk komisen berjumlah **RM306,019.00**. Adalah diharapkan Anggota mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan takaful yang ditawarkan oleh Koperasi supaya pendapatan Koperasi melalui aktiviti ini terus meningkat dari masa ke semasa.

4.8 **Bekalan Barang Keperluan Harian**

4.8.1 Koperasi masih lagi meneruskan aktiviti membekal peralatan pejabat, barangan elektrik, barangan telekomunikasi, motosikal, tayar kereta dan lain-lain kepada Anggota Koperasi. Perniagaan ini adalah sebagai membantu Anggota untuk mendapatkan bekalan-bekalan tersebut dengan cara bayaran yang mudah melalui potongan gaji bulanan.

4.8.2 Koperasi telah mula membekalkan barangan makanan kering seperti beras, mi segera, gula, susu, telur dan lain-lain untuk keperluan tenaga kerja di ladang-ladang milik PKPP dan syarikat anak kumpulan PKPP.

4.9 **Aktiviti Pembekalan Baja**

4.9.1 Jawatankuasa ini terlibat secara langsung di dalam urusan pembekalan baja oleh pihak Koperasi kepada syarikat anak kumpulan PKPP dan untuk tahun 2025, pihak Koperasi telah berjaya memperolehi kontrak pembekalan baja bernilai **RM4,552,126.00** yang melibatkan PKPP Agro Sdn. Bhd. dan PKPP Plantation Sdn. Bhd.

5. **PRESTASI KEWANGAN**

5.1 Pada 2025, Koperasi telah mencatat pendapatan kasar berjumlah **RM18,612,460.00** dengan keuntungan bersih berjumlah **RM3,223,205.00**.

5.2 Koperasi berjaya mengekalkan aliran tunai positif dan simpanan tetap yang telah meningkat kepada **RM7,351,081.00** selain modal syer di dalam Co-op Bank Pertama yang berjumlah **RM1,103,000.00**.

6. **PENUTUP**

6.1 Dengan bilangan Anggota yang melebihi 700 orang, ianya boleh menjadi faktor pemangkin pertumbuhan kepada Koperasi pada masa hadapan dengan syarat kesemua Anggota menyokong dan mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Koperasi. Dengan andaian setiap Anggota membelanjakan minimum RM1,600.00 setahun kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, Koperasi akan mendapat pulangan bersih yang dianggarkan berjumlah RM100,000.00 setahun. Keuntungan ini akan dikembalikan semula kepada Anggota dalam bentuk dividen dan lain-lain sumbangan.

6.2 Jawatankuasa berharap agar semua Anggota dapat menjadikan Koperasi bukan sahaja salah satu platform untuk melaburkan wang ringgit, tetapi juga sebagai salah satu pilihan utama di dalam mendapatkan perkhidmatan untuk keperluan semasa.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL TEKNOLOGI MAKLUMAT SESI 2025/2026

1. FUNGSI

- 1.1 Mengkaji, merancang dan mengurus aktiviti berkaitan teknologi maklumat.
- 1.2 Memastikan data-data maklumat Anggota Koperasi disimpan dan diselenggara dengan sempurna.
- 1.3 Memastikan data-data kewangan anggota Koperasi disimpan dan diselenggara dengan sempurna dan selamat.
- 1.4 Mengenal pasti potensi pemasaran teknologi maklumat selaras dengan keputusan Anggota Lembaga Koperasi.

2. SENARAI AHLI JAWATANKUASA

- 2.1 Jawatankuasa bagi sesi tahun 2025/2026 adalah terdiri daripada Anggota berikut:

Pengerusi	:	Tuan Haji Ahmad Zamri Bin Abd Wahab
Setiausaha	:	Puan Faradilla binti NurulFuad
Ahli-ahli	:	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus Puan Hajah Hasna' binti Mohamad Taib Encik Che Wan Mahadzir bin Che Wan Samsudin Encik Mohd Rizal bin Ab Muni Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari Puan Zaiton binti Awang

3. KEKERAPAN MESYUARAT

- 3.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa ini telah mengadakan satu (1) kali mesyuarat iaitu pada 4 Disember 2005. Perkara-perkara berkaitan teknologi maklumat juga dibincangkan di peringkat Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi.
- 3.2 Kehadiran Anggota Jawatankuasa dalam mesyuarat adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Tuan Haji Ahmad Zamri bin Abd Wahab	1/1
2	Encik Abd Hisham bin Mat Idrus	1/1
3	Puan Hajah Hasna' binti Mohamad Taib	0/1

4	Encik Che Wan Mahadzir bin Che Wan Samsudin	1/1
5	Encik Mohamed Aizuddin bin Abdul Razak	1/1
6	Encik Mohd Rizal bin Ab Muni	1/1
7	Encik Shafiq Hazizi bin Shaipul Bahari	1/1
8	Puan Zaiton binti Awang	1/1
9	Puan Faradilla binti NurulFuad	1/1

4. **LAPORAN AKTIVITI - AKTIVITI**

4.1 **Aktiviti Jawatankuasa**

4.1.1 **Sistem I-Coop**

4.1.1.1 Jawatankuasa memaklumkan bahawa penambahbaikan fungsi *Statement of Account* telah selesai dilaksanakan dan kini boleh digunakan sepenuhnya bagi memastikan kelancaran serta kecekapan dalam pengurusan data kewangan. Fungsi ini telah siap sepenuhnya dan boleh diguna secara menyeluruh.

4.1.1.2 Sistem I-Coop *Version 4.0* termasuk fungsi *e-Invoice* kini berada dalam fasa pengujian dan pelarasan sebelum digunakan sepenuhnya. Semua inbois akan terus diserahkan kepada LHDN mengikut keperluan, dan penggunaan penuh sistem ini dijangka bermula pada penghujung tahun 2025.

4.1.1.3 Pelaksanaan Bengkel *Refreshment* telah diadak pada 10 September 2025 dengan fokus kepada *e-Invoice* dan sistem I-Coop versi 4.0. Selain itu, pihak Koperasi turut menghadiri kursus *e-Invoice* di luar organisasi sebagai pelengkap kepada latihan dalaman, bagi memastikan kefahaman dan penguasaan sistem dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

4.1.1.4 Jawatankuasa mencadangkan dua (2) garis panduan sebagai langkah keselamatan untuk mengelakkan cubaan penggodaman sistem iaitu:

- i) Menggunakan alamat e-mel yang telah didaftarkan sebagai asas pengesahan pengguna.
- ii) Penyediaan fungsi "*Forgot Password*" bagi membolehkan pengguna menetapkan semula kata laluan dengan selamat sekiranya terlupa.

4.1.1.5 Jawatankuasa memaklumkan bahawa bermula 01 Januari 2026, semua resit yang dijana secara komputer tidak lagi memerlukan tandatangan, selaras dengan prosedur semasa dan sistem automasi yang digunakan. Resit tersebut akan disertakan dengan penegasan bahawa ia adalah *computer generated* dan sah digunakan tanpa tandatangan.

4.1.2 Laman Web, Portal Rasmi dan Laman Sosial Media Koperasi

4.1.2.1 Paparan laman web rasmi dan laman sosial Facebook Koperasi menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Sehubungan itu, kandungan perlu dikemas kini secara berkala agar selaras dengan perkembangan terkini organisasi serta aktiviti koperasi, khususnya dalam usaha memperkukuh promosi produk. Bagi meningkatkan trafik laman web, pautan terus ke sistem I-Coop akan disediakan, sekali gus menggalakkan interaksi pengguna dan memudahkan capaian kepada maklumat serta perkhidmatan Koperasi.

4.1.2.2 Jawatankuasa memaklumkan bahawa kumpulan WhatsApp Koperasi akan terus dikekalkan sebagai medium komunikasi dalaman dengan penambahan *disclaimer* yang sesuai bagi memastikan ketelusan dan kesahihan maklumat. Laman web rasmi, Facebook, dan kumpulan WhatsApp akan dikekalkan sebagai saluran utama komunikasi organisasi. Selain itu, pendekatan *personal touch* akan digunakan berdasarkan jenis perniagaan yang dijalankan oleh Koperasi, bagi memastikan mesej yang disampaikan lebih dekat dengan pengguna serta mampu memperkukuh promosi produk dan aktiviti Koperasi.

4.1.2.3 *IT Tools Marketing* dalaman dan luaran akan dimanfaatkan bagi memastikan penyampaian maklumat yang lebih efektif dan menarik kepada sasaran pengguna. Sebagai contoh, medium

promosi seperti “beg kuning” boleh digunapakai sebagai pendekatan pemasaran digital melalui aplikasi TikTok untuk menjual produk Koperasi secara lebih interaktif dan berkesan.

Selain itu, isu pengambilan pelajar praktikal bagi tujuan medium pemasaran didapati tidak mempunyai keperluan mendesak pada masa ini. Pelaksanaan hanya akan dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan yang jelas pada masa hadapan.

4.1.3 Mesyuarat Agung Koperasi

4.1.3.1 Secara keseluruhannya, Mesyuarat Agung telah berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, terdapat aduan berhubung fasiliti untuk warga emas dan OKU yang didapati kurang memuaskan. Sehubungan itu, Jawatankuasa mencadangkan agar disediakan laluan khas yang lebih mudah bagi golongan tersebut.

Selain itu, bagi memperkukuh proses pendaftaran dan komunikasi kepada ahli, cadangan turut dikemukakan untuk menyediakan video *timelapse* atau label langkah pendaftaran berbentuk ilustrasi sebagai panduan visual yang lebih jelas dan mesra pengguna.

4.1.3.2 Jawatankuasa memaklumkan bahawa kupon promosi perlu dicetak dengan warna yang lebih cerah bagi memudahkan ahli, khususnya warga emas, untuk membaca dan mengenal pasti maklumat dengan jelas. Langkah ini selaras dengan usaha meningkatkan kebolehaksesan serta keselesaan pengguna dalam setiap urusan Koperasi.

4.1.4 Hal-hal Lain

4.1.4.1 Jawatankuasa memaklumkan bahawa:

4.1.4.1.1 Server

- Akan disediakan bilik khas untuk menempatkan server.

- *PC backup* boleh ditempatkan di bilik server dengan sokongan *iCloud backup*.
- Penyelenggaraan server akan dijalankan secara berkala setiap enam (6) bulan sekali dan memerlukan surat rasmi permohonan.

4.1.4.1.2 **PC / Laptop**

- Penyelenggaraan PC dan laptop juga memerlukan surat rasmi permohonan.

4.1.4.1.3 **Backup & Security**

- Proses *backup* perlu dikemas kini secara berkala.
- Aspek keselamatan sistem perlu diperkukuh bagi memastikan integriti data terjamin.

4.1.4.2 Jawatankuasa memaklumkan bahawa akan diadakan lawatan ke Koperasi dalam senarai 100 Terbaik di Malaysia bagi tujuan meninjau serta memahami cara operasi koperasi lain dijalankan. Langkah ini diambil sebagai usaha memperkukuh pengetahuan, menambah baik amalan pengurusan, dan mengenal pasti strategi yang boleh diadaptasi untuk meningkatkan keberkesanan operasi Koperasi.

4.1.4.3 Jawatankuasa mencadangkan agar *Dashboard* dalam sistem I-Coop dibangunkan bagi menonjolkan operasi Koperasi secara menyeluruh. Paparan ini akan berfungsi sebagai pusat rujukan utama untuk memantau prestasi, aktiviti, dan pencapaian Koperasi secara lebih sistematik serta mudah difahami oleh ahli dan pengurusan.

Dashboard ini dijangka dapat:

- ☒ Mengintegrasikan data operasi dalam satu (1) paparan.
- ☒ Memudahkan pemantauan prestasi secara masa nyata.
- ☒ Meningkatkan ketelusan dengan maklumat yang jelas dan mudah diakses.
- ☒ Menggalakkan keterlibatan ahli melalui visualisasi data yang menarik.

4.1.4.4 Jawatankuasa memaklumkan bahawa kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa ICT perlu ditingkatkan bagi memastikan tindakan segera dapat diambil terhadap isu-isu berbangkit. Cadangan yang dikemukakan adalah untuk mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun sebagai langkah memperkukuh pemantauan dan keberkesanan pengurusan ICT Koperasi.

4.1.4.5 Jawatankuasa memaklumkan bahawa *Monitor Aging* dalam sistem Koperasi perlu sentiasa dikemas kini dan dipantau secara berkala. Langkah ini penting bagi memastikan rekod kewangan dan operasi sentiasa tepat serta mengelakkan isu-isu berbangkit daripada ahli Koperasi.

Pemantauan berterusan ini akan:

- ☒ Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan kewangan.
- ☒ Mengurangkan risiko aduan berkaitan kelewatan atau ketidaktepatan rekod.
- ☒ Memudahkan tindakan susulan sekiranya terdapat keperluan pembetulan.
- ☒ Mengukuhkan keyakinan ahli terhadap sistem pengurusan Koperasi.

5. **RUMUSAN**

Diharapkan sistem ini dapat menguruskan Koperasi dengan lebih kemas, teratur, dan berkesan, sekali gus menjadi rujukan kepada koperasi-koperasi lain pada masa hadapan.

Sistem ini bukan sahaja memperkukuh kecekapan operasi, malah turut meningkatkan ketelusan, kebolehaksesan, dan keyakinan ahli terhadap pengurusan Koperasi. Dengan adanya platform yang sistematik dan mesra pengguna, Koperasi diyakini mampu melangkah lebih jauh dalam memperkukuh daya saing, memperluas promosi produk, serta mempertingkatkan imej organisasi di peringkat yang lebih tinggi.

AGENDA 2.3

LAPORAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2025, LAPORAN JURUAUDIT LUAR, LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA, PENGAGIHAN UNTUNG BERSIH TERAUDIT DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM.

<u>Kandungan</u>	<u>Muka Surat</u>
Laporan Berkanun Anggota Lembaga	- 55
Laporan Juruaudit	- 56-58
Kunci Kira-Kira	- 61-62
Penyata Pembahagian Keuntungan	- 63
Penyata Untung Rugi	- 64-65
Penyata Aliran Tunai	- 68-69
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	- 70-91
Laporan Jawatankuasa Audit Dalam (JAD)	- 92-93

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(No. Daftar: 197560400066)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT SUB SEKSYEN 59(1) (C) AKTA KOPERASI 1993


Kami bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025, sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, kami bagi pihak Lembaga melaporkan

- a) Pada pandangan Lembaga, hasil operasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif Subseksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.
- b) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- c) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh akaun untung rugi tiada liabiliti kontigen yang disanggupi oleh koperasi yang belum diselesaikan.
- d) Lembaga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.
- e) Pihak Lembaga bercadang untuk membuat peruntukan-peruntukan berikut :-


Dividen Modal Saham Dicadangkan	10%
Dividen Modal Yuran Dicadangkan	10%
Honorarium Lembaga Dicadangkan	RM80,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer	RM50,000
Kumpulan Wang Kebajikan Am	RM50,000
Kumpulan Wang Khairat Kematian dan Bantuan Musibah	RM60,000
Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan	RM60,000
Kumpulan Wang Derma dan Pemberian Tertentu	RM200,000
Kumpulan Wang Ehsan	RM200,000
Kumpulan Wang Tanam Semula	RM120,000

- f) Pada pendapat Lembaga tiap-tiap akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Kunci Kira-Kira memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan hal ehwal koperasi.

Kami bagi pihak Lembaga mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tidak disebutkan diatas, tiada perkara-perkara lain dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.



Dato' Hajah Sarwah binti Mohamed Jusoh
Pengerusi



Encik Abd. Hisham bin Mat Idrus
Setiausaha



Puan Hajah Hasna' binti Mohamad Taib
Bendahari

Tarikh: 19 MAY 2026

No. Daftar : 197560400066

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD &
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA.

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi LKPP Pahang Berhad** yang merangkumi Kunci kira-kira pada **31 Disember 2025**, Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan polisi-polisi perakaunan yang signifikan serta nota-nota kepada penyata kewangan pada muka surat **14 hingga 35**.

Pada pendapat kami Penyata Kewangan koperasi telah memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan koperasi pada **31 Disember 2025** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Perakaunan yang diluluskan, Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi, peruntukan-peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 dan berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah jalankan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan piawaian pengauditan antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dinyatakan lebih lanjut di bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi audit penyata kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi menyediakan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada mana-mana pengaruh koperasi menurut Undang-Undang Kecil, Etika Pelakuan dan Amalan Profesional yang digariskan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Kod Etika Akauntan Profesional (IESBA code) dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab menurut Undang-Undang Kecil dan Kod Etika Akauntan Profesional tersebut.

Maklumat selain dari Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para anggota lembaga koperasi adalah bertanggungjawab terhadap lain-lain maklumat yang terdiri daripada laporan anggota lembaga tidak termasuk penyata kewangan koperasi dan laporan juruaudit kami. Pendapat kami ke atas penyata kewangan koperasi tidak meliputi laporan anggota lembaga dan kami tidak menzahirkan sebarang bentuk kesimpulan jaminan.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan koperasi, kami bertanggungjawab untuk membaca laporan anggota lembaga dan dalam pada itu mempertimbangkan samada laporan anggota lembaga selari atau tidak dengan penyata kewangan koperasi atau pengetahuan kami semasa pengauditan atau sekiranya ia kelihatan seakan-akan seperti satu salah nyata yang material.

Sekiranya berdasarkan kerja pengauditan yang telah kami jalankan, kami simpulkan bahawa terdapat salahnyata yang material di dalam laporan anggota lembaga, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tiada apa-apa yang perlu dilaporkan berkenaan perkara ini.

No.Daftar : 197560400066

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

31 DISEMBER 2025

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan Pendapat

Tanggungjawab Anggota Lembaga untuk Penyata Kewangan

Anggota-anggota lembaga adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan yang diluluskan, Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi, peruntukan Akta Koperasi 1993 dan lain-lain Akta di Malaysia. Anggota-anggota lembaga juga bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan koperasi bebas daripada kesilapan yang ketara samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan koperasi, anggota lembaga bertanggungjawab untuk menilai kebolehan koperasi terhadap asas usaha berterusan (going concern), melaporkan mana-mana berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan asas usaha berterusan dan penggunaan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika samada anggota lembaga berhasrat untuk menggulung koperasi atau menghentikan operasi atau tiada alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan pertimbangan yang wajar tentang samada penyata kewangan koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Pertimbangan yang wajar adalah satu bentuk kepastian yang tinggi walaubagaimana pun pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa tidak dapat menjamin ianya akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ianya wujud. Salah nyata boleh terjadi akibat daripada penipuan atau kesilapan dan dikira material jika secara berasingan atau agregat, ianya dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna berpandukan penyata kewangan ini. Menurut piawaian pengauditan yang di luluskan di Malaysia dan Pengauditan Antarabangsa adalah menjadi sebahagian daripada pengauditan untuk kami lakukan penilaian professional dan kekalkan keraguan professional di sepanjang pengauditan. Kami juga :

- Mengenalpasti dan menilai risiko adanya salah nyata yang material di dalam penyata kewangan koperasi samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk kami jadikan sebagai asas kepada pendapat kami. Risiko untuk gagal mengesan penipuan adalah tinggi daripada risiko untuk gagal mengesan sesuatu kejadian akibat daripada kesilapan kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, tidak merekodkan dengan sengaja atau melangkau kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan pengauditan agar dapat mereka prosedur audit yang sesuai dan bukan untuk menzahirkan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman koperasi.
- Membuat kesimpulan ke atas kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pentadbir dan berdasarkan bukti audit yang di perolehi samada wujudnya ketidaktentuan yang material berkaitan peristiwa atau keadaan yang menimbulkan keraguan yang signifikan tentang kebolehan koperasi untuk terus wujud atas asas usaha berterusan. Sekiranya kami simpulkan bahawa wujudnya ketidaktentuan yang material kami perlu, di dalam laporan juruaudit kami menarik perhatian kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan atau sekiranya pendedahan yang berkaitan adalah tidak cukup lengkap, ubahsuai pendapat kami. Kesimpulan yang kami buat adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga pada tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimana pun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan boleh menyebabkan koperasi untuk terus tidak wujud pada asas usaha berterusan.

No.Daftar : 197560400066

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

31 DISEMBER 2025

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan Pendapat

Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan Penyata Kewangan (samb.)

- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabah anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh anggota lembaga.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan koperasi termasuklah pendedahan dan samada penyata kewangan tersebut menggambarkan asas transaksi dan kejadian dengan cara mencapai persembahan yang adil.


Kami berkomunikasi dengan anggota lembaga berkenaan lain-lain perkara seperti di antaranya skop dan tempoh masa pengauditan yang telah dirancang dan penemuan audit yang signifikan termasuklah mana-mana kelemahan di dalam kawalan dalaman yang telah dikesan semasa pengauditan.

Laporan berkenaan syarat-syarat Perundangan dan Peruntukan Lain


Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang dikehendaki oleh Akta disimpan dengan sempurna oleh koperasi menurut peruntukan Akta berkenaan.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini dibuat kepada Suruhanjaya dan anggota-anggota koperasi sebagai sebuah badan menurut Seksyen 63, Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada lain-lain pihak terhadap isi kandungan laporan ini



KAMARULZAMAN & ASSOCIATES
Nombor Firma: AF 002279
Akauntan Bertauliah (Malaysia)



KAMARULZAMAN BIN ABD RAHMAN
No. Kelulusan: SKM : (A) 0115
Rakan

Tarikh: 19 MAY 2026
Kuantan

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

KAMARULZAMAN & ASSOCIATES
(AF 002279)
AKAUNTAN BERTAULIAH MALAYSIA

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

Kandungan

Muka Surat

Laporan Berkanun Lembaga	1
Laporan Juruaudit	2 - 4
Kunci Kira-Kira	5 - 6
Akaun Pembahagian Keuntungan	7
Akaun Untung Rugi	8 - 9
Akaun Projek Ladang Sawit	10
Akaun Perkhidmatan Takaful	10
Akaun Pelbagai Aktiviti Jualan	11
Penyata Aliran Tunai	12 - 13
Nota-Nota Kepada Akaun	14 - 35

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA KIRA PADA 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
<u>ASET BUKAN SEMASA</u>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	(4)	13,170,422	12,882,270
Pelaburan Hartanah	(5)	2,932,246	3,005,121
Pelaburan Syer Tak Siar Harga	(6)	1,203,000	1,203,000
Pinjaman Anggota Akan Diterima Selepas Setahun	(7)	329,182	90,761
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	(8)	1,683,824	1,683,824
Akaun Deposit Koperasi (ADK)	(9)	1,975,911	1,589,001
Jumlah Aset Bukan Semasa		21,294,585	20,453,977
<u>ASET SEMASA</u>			
Penghutang Perdagangan	(10)	1,907,437	1,181,046
Pinjaman Anggota Akan Diterima Dalam Setahun	(7)	500,000	500,000
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)	(11)	4,067,309	3,981,351
Penghutang Pelbagai	(12)	1,570,843	1,170,830
Kredit Cukai @ Lebihan Cukai LHDN		296,743	442,653
Simpanan Tetap	(13)	1,694,771	1,659,048
Wang Di Bank	(14)	4,782,885	4,637,491
Wang Di Tangan	(14)	7,235	5,427
Jumlah Aset Semasa		14,827,223	13,577,846
Jumlah Aset		36,121,808	34,031,823
<u>DIBIAYAI OLEH :</u>			
Modal Syer Anggota	(15)	2,104,095	2,132,495
Modal Yuran Anggota	(16)	13,895,613	13,434,265
Modal Syer Anggota Ditebus	(17)	215,680	215,680
Kumpulan Wang Penebusan Syer	(18)	1,040,870	990,870
Kumpulan Wang Kebajikan Am	(19)	339,445	327,458
Kumpulan Wang Khairat Kematian Dan Bantuan Musibah	(20)	84,785	118,585
Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan	(21)	287,552	255,291
Kumpulan Wang Derma Dan Pemberian Tertentu	(22)	342,300	314,700
Kumpulan Wang Ehsan	(23)	400,360	416,660
Kumpulan Wang Tanam Semula	(24)	1,566,120	1,457,178
Keuntungan Terkumpul		801,761	467,291
Kumpulan Wang Anggota		21,078,581	20,130,473
Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)	(25)	5,704,914	5,318,004
Kumpulan Wang Pampasan Pekerja	(26)	485,082	485,082
<u>LIABILITI BUKAN SEMASA</u>			
Pinjaman Jangka Panjang SKM	(27)	4,271,699	3,582,245
Cukai Tertunda	(29)	87,947	47,129
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		4,359,646	3,629,374

Nota - nota beserta dengan penyata ini adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA KIRA PADA 31 DISEMBER 2025(samb.)

	NOTA	2025 RM	2024 RM
<u>LIABILITI SEMASA</u>			
Pemiutang Perdagangan	(30)	1,603,155	1,036,781
Simpanan Khas Anggota	(31)	216,000	261,000
Pinjaman Matang Dalam Setahun	(27)	158,010	158,010
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(32)	64,485	68,031
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(33)	32,243	34,015
ADK Belum Bayar	(34)	386,910	340,155
Dividen Modal Syer	(35)	213,250	241,372
Dividen Modal Yuran	(36)	1,364,082	2,068,033
Honorarium Lembaga	(37)	80,000	90,000
Pemiutang Pelbagai	(38)	88,300	115,533
Zakat	(39)	115,000	130,000
Cukai Pendapatan	(40)	172,150	(74,040)
Jumlah Liabiliti Semasa		4,493,585	4,468,890
Jumlah Ekuiti & Liabiliti		36,121,808	34,031,823

Nota - nota beserta dengan penyata ini adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Nota	2025 RM	2024 RM
Keuntungan Bersih Tahun Semasa		3,223,205	3,401,649
<u>Pelarasan Operasi Tahun Terdahulu :</u>			
Penghutang Tahun Terdahulu		-	(7,554)
Pemiutang Tahun Terdahulu		1,047	7,450
Keuntungan Selepas Pelarasan Operasi		3,224,252	3,401,545
<u>Tolak : Pembahagian Berkanun</u>			
Kumpulan Wang Rizab Statutori (12% : 2024 - 10%)	(25)	386,910	340,155
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)	(32)	64,485	68,031
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)	(33)	32,243	34,015
Jumlah Pembahagian Berkanun		483,638	442,201
Baki Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun		2,740,614	2,959,344
<u>Tolak :</u>			
Belanja Cukai	(28)	(212,968)	(267,095)
Peruntukan Zakat	(39)	(115,000)	(130,000)
Jumlah Peruntukan Cukai dan Zakat		(327,968)	(397,095)
Baki Keuntungan Selepas Peruntukan Cukai dan Zakat		2,412,646	2,562,249
<u>Tolak : Pembahagian Lain-lain</u>			
Dividen Modal Syer Dicadangkan (10% ; 2024-11%)	(35)	213,250	241,372
Dividen Modal Yuran Dicadangkan (10% ; 2024-11%)	(36)	1,364,082	1,467,217
Honorarium Lembaga Dicadangkan	(37)	80,000	90,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer	(18)	50,000	50,000
Kumpulan Wang Kebajikan Am	(19)	50,000	60,000
Kumpulan Wang Khairat Kematian dan Bantuan Musibah	(20)	60,000	60,000
Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan	(21)	60,000	60,000
Kumpulan Wang Derma dan Pemberian Tertentu	(22)	200,000	200,000
Kumpulan Wang Ehsan	(23)	200,000	200,000
Kumpulan Wang Tanam Semula	(24)	120,000	132,000
Jumlah Pembahagian Lain-lain		2,397,332	2,560,589
Baki Keuntungan Selepas Pembahagian Lain-Lain		15,314	1,660
Pelarasan-pelarasan Bukan Operasi	(45)	319,156	15,253
Baki Keuntungan Selepas Pelarasan Bukan Operasi		334,470	16,913
Keuntungan Terkumpul Awal Tahun		467,291	450,378
KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIBAWA KE KUNCI KIRA-KIRA		801,761	467,291

Nota :

Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) bagi tahun semasa adalah 15% menurut Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia - Bil. 2/2023; (2024 - 13%)

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Nota	2025 RM	2024 RM
<u>Pendapatan Aktiviti :-</u>			
Projek Ladang Sawit		6,840,324	7,011,248
Perkhidmatan Takaful		2,487,016	2,375,443
Aktiviti Pelbagai Jualan		8,133,770	5,535,234
Perkhidmatan Pinjaman	(41)	27,263	18,157
Sewaan	(42)	546,795	597,568
Jumlah Pendapatan Aktiviti		18,035,168	15,537,650
<u>Pelbagai Pendapatan :-</u>			
Derma dan Sumbangan		87,181	70,456
Dividen Pelaburan Syer		411,627	323,734
Hibah		77,964	63,727
Yuran Masuk Anggota		520	640
Untung Jualan Aset Tetap	(43)	-	4,998
Jumlah Pelbagai Pendapatan		577,292	463,555
Jumlah Pendapatan		18,612,460	16,001,205
<u>Tolak : Kos Aktiviti/Kos Jualan</u>			
Projek Ladang Sawit		3,610,186	3,445,160
Perkhidmatan Takaful		2,180,997	2,101,117
Aktiviti Pelbagai Jualan		7,858,552	5,089,135
Jumlah Kos Jualan		13,649,735	10,635,412
<u>Perbelanjaan Am :-</u>			
Fi Juruaudit Luar		12,000	12,000
Perbelanjaan Lembaga	(44)	48,500	60,150
Faedah Pinjaman	(27a)	37,548	44,521
Susutnilai Aset Tetap	(4+5)	324,469	454,012
Belanja Mesyuarat Agung		397,051	248,077
Gaji dan Elaun		331,627	335,167
Bonus dan Insentif		169,455	119,015
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)		81,507	68,713
Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)		7,053	8,253
Jumlah Perbelanjaan Am		1,409,210	1,349,908

Nota - nota beserta dengan penyata ini adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (samb.)**

	<u>Nota</u>	<u>2025</u> <u>RM</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>
Perbelanjaan Pelbagai :-			
Elaun Rumah & Lain		64,680	60,809
Elaun Telefon Pengurusan		4,200	4,200
Elaun Mesyuarat Pengurusan		9,000	8,750
Elaun Jawatankuasa Audit Dalaman		10,000	10,000
Elaun Jawatankuasa Kecil		5,650	2,600
Elaun Penentu Sah Minit Mesyuarat Agung		1,900	2,400
Perubatan Kakitangan		10,401	10,419
Fi Agen Cukai		5,200	5,200
Alatulis, Percetakan dan Fotostat		7,415	9,347
Caj Bank		1,502	1,208
Utiliti		9,020	8,460
Takaful		35,412	30,843
Takaful dan Cukai Jalan		8,081	7,634
Pos		6,073	4,751
Telefon, Fax dan Internet		6,960	8,363
Perjalanan		12,822	12,550
Keraian		13,969	26,808
Lesen dan Pendaftaran		16,436	32,687
Penyelenggaraan Peralatan Pejabat		28,601	14,879
Penyelenggaraan Bangunan Pejabat		10,879	16,965
Penyelenggaraan Kenderaan		15,083	13,795
Khidmat Guaman		6,483	80,675
Baju Korporat		9,069	5,030
Promosi dan Pemasaran		9,289	5,655
Pulangan Kepada Pelabur Dana Simpanan Khas	(48)	22,185	16,500
Rugi Pelupusan Aset Tetap	(4)	-	8
Bantuan Khas Anggota	(47)	-	213,700
Jumlah Perbelanjaan Pelbagai		330,310	614,236
Jumlah Kos Aktiviti dan Perbelanjaan		15,389,255	12,599,556
Keuntungan Bersih dipindahkan Ke Akaun Pembahagian			
Keuntungan		3,223,205	3,401,649

Nota - nota beserta dengan penyata ini adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PENDAPATAN PROJEK LADANG SAWIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	2025	2024
	RM	RM
Pendapatan :		
Minyak Sawit	5,747,655	6,103,182
Isirong Sawit	1,092,669	908,066
Jumlah Pendapatan	6,840,324	7,011,248
Tolak : Perbelanjaan		
Komisen	807,535	889,995
Pengurusan	551,764	477,875
Penyelenggaraan Ladang	603,358	569,509
Penghasilan dan Penuaian	925,960	831,336
Pengilangan dan Pemprosesan	414,701	374,625
Pengangkutan	69,350	54,269
Duti Ekses	237,518	247,551
Jumlah Perbelanjaan	3,610,186	3,445,160
Keuntungan Projek Ladang Sawit	3,230,138	3,566,088

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PENDAPATAN PERKHIDMATAN TAKAFUL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	2025	2024
	RM	RM
Pendapatan	2,487,016	2,375,443
Tolak : Perbelanjaan	(2,180,997)	(2,101,117)
Keuntungan Perkhidmatan Takaful	306,019	274,326

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PENDAPATAN PELBAGAI AKTIVITI JUALAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	2025	2024
	RM	RM
<u>Pendapatan :</u>		
Jualan Alatulis	51,372	35,381
Jualan Pembekalan Baja	4,552,126	3,219,719
Jualan Barang	523,047	357,786
Jualan Pembekalan Diesel	2,317,635	1,780,525
Perkhidmatan Spekar	90	240
Jualan Pembekalan Corporation	689,500	-
Pengangkutan BTS	-	141,583
Jumlah Pendapatan	8,133,770	5,535,234
<u>Tolak : Perbelanjaan</u>		
Belian Alatulis	43,711	30,760
Belian Baja	4,494,858	3,040,899
Belian Barang Jualan	440,254	307,086
Belian Pembekalan Diesel	2,237,614	1,710,390
Belian Pembekalan Corporation	642,115	-
Jumlah Perbelanjaan	7,858,552	5,089,135
Keuntungan Pelbagai Aktiviti Jualan	275,218	446,099

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	<u>Nota</u>	<u>2025</u> <u>RM</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi :			
Keuntungan Bersih Tahun Semasa		3,223,205	3,401,649
<i>Tambah/(kurang) : Pelarasan</i>			
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	(4)	251,593	381,136
Susutnilai Pelaburan Dalam Hartanah	(5)	72,875	72,875
Pelarasan-Pelarasan Bukan Operasi	(45)	420,861	15,000
Pelarasan-Pelarasan Operasi		1,047	(104)
Kerugian Atas Pelupusan Harta, Tanah dan Peralatan	(4)	-	8
Untung Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		3,969,581	3,870,564
<i>Perubahan dalam modal kerja:-</i>			
(Tambah)/Kurangan Penghutang Perdagangan	(10)	(726,391)	309,628
(Tambah)/Kurangan Penghutang Pelbagai	(12)	(400,013)	(80,559)
Kredit Cukai @ Lebihan Cukai LHDN		145,910	-
Tambahan/(Kurangan) Pemiutang Perdagangan	(30)	566,374	(191,253)
Tambahan/(Kurangan) Pemiutang Pelbagai	(38)	(27,233)	32,780
Untung Operasi Selepas Perubahan Modal Kerja		3,528,228	3,941,160
<i>Kurang: Bayaran Berkanun dan Agihan :</i>			
Kumpulan Wang Kebajikan Am	(19)	(38,013)	(34,052)
Kumpulan Wang Khairat Kematian dan Bantuan Musibah	(20)	(93,800)	(68,800)
Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan	(21)	(27,739)	(86,121)
Kumpulan Wang Derma dan Pemberian Tertentu	(22)	(172,400)	(159,200)
Kumpulan Wang Ehsan	(23)	(216,300)	(166,500)
Kumpulan Wang Tanam Semula	(24)	(11,058)	(35,822)
Kumpulan Wang Pampasan Pekerja	(26)	-	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(32)	(68,031)	(44,302)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(33)	(34,015)	(22,151)
Akaun Deposit Koperasi (ADK)	(34)	(340,155)	(265,811)
Bayaran Dividen Anggota	(35+36)	(2,309,405)	(1,122,987)
Bayaran Honorarium Lembaga	(37)	(90,000)	(70,000)
Bayaran Zakat	(39)	(130,000)	(100,000)
Bayaran Cukai	(40)	(27,665)	(250,151)
Tunai Bersih Dijana/(Digunakan) dari Aktiviti Operasi		(30,353)	1,515,263
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan:			
Perolehan Aset Tetap & Hartanah	(4+5)	(539,745)	(535,968)
Keuntungan Atas Pelupusan Harta, Tanah dan Peralatan	(4)	-	2
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	(11)	(85,958)	(17,891)
Pinjaman Anggota Diberi	(7)	(816,978)	(504,269)
Bayaran Balik Pinjaman Anggota	(7)	578,557	499,418
Tunai Bersih Dijana/(Digunakan) dari Aktiviti Pelaburan		(864,124)	(558,708)

Nota - nota beserta dengan penyata ini adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (samb.)**

	<u>Nota</u>	<u>2025</u> <u>RM</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>
<u>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan :</u>			
Terimaan Modal Syer Anggota	(15)	25,600	29,250
Bayaran Modal Syer Anggota	(15)	(54,000)	(91,050)
Terimaan Modal Yuran Anggota	(16)	1,009,183	935,850
Bayaran Modal Yuran Anggota	(16)	(547,835)	(639,128)
Terimaan Pinjaman SKM	(27)	867,574	1,126,487
Bayaran Pinjaman SKM	(27)	(178,120)	(171,147)
Bayaran Simpanan Khas Anggota	(31)	(45,000)	(14,000)
Tunai Bersih Dijana/(Digunakan) dari Aktiviti Pembiayaan		1,077,402	1,176,262
Tambahan Tunai & Setara Tunai Tahun Semasa		182,925	2,132,817
Tunai & Setara Tunai Awal Tahun		6,301,966	4,169,149
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun		6,484,891	6,301,966
<u>Analisa Tunai dan Setara Tunai Akhir Tahun :</u>			
<u>Akaun-akaun Semasa :-</u>			
Bank Islam Malaysia Berhad		1,144	134
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad		718,209	689,911
Maybank Islamic Berhad		1,685,492	1,184,809
Maybank Islamic Berhad		23,454	23,463
Malaysia Building Society Berhad (MBSB)		2,354,486	2,739,074
Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad		100	100
Jumlah Wang Di Bank	(14)	4,782,885	4,637,491
Simpanan Tetap	(13)	1,694,771	1,659,048
Tunai Runcit	(14)	7,235	5,427
Baki Pada Akhir Tahun		6,484,891	6,301,966

Nota - nota beserta dengan penyata ini adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

NOTA 1 : MAKLUMAT UMUM KOPERASI

Koperasi telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Koperasi adalah sebuah entiti tanggungan terhad.

Pejabat didaftarkan dan kawasan operasi adalah di Kuantan, Pahang.

Fungsi utama koperasi adalah Pertanian. Kegiatan semasa Koperasi adalah dalam bidang hartanah, perladangan, aktiviti pinjam meminjam dan perdagangan pengguna.

Alamat berdaftar koperasi :

No.26, Bangunan LKNP, Lorong Lengkok Kanan 2,
Taman Tanah Putih Baru,
25150, Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

NOTA 2 : ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Asas Pematuhan

Penyata Kewangan ini disediakan mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Garis Panduan-Garis Panduan Penyeliaan Koperasi serta Undang-Undang Kecil Koperasi dan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

2.2 Asas Pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan menurut andaian usaha berterusan dan kelaziman kos sejarah kecuali penilaian semula untuk aset dan liabiliti tertentu.

2.3 Anggaran dan Pertimbangan

Penyata kewangan telah disediakan dengan kesesuaian Piawaian Perakaunan yang diamalkan Malaysia bagi membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah-jumlah yang dilaporkan seperti aset, liabiliti, pendapatan dan belanja. Nilai sebenar mungkin berbeza dari anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan andaian yang penting adalah dinilai secara berterusan. Semakan semula pada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh semasa anggaran tersebut disemak semula.

Tiada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam polisi perakaunan semasa yang memberikan kesan signifikan pada jumlah-jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

NOTA 3 : POLISI-POLISI PERAKAUNAN

3.1 Hartanah, Loji & Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul. Kos untuk Hartanah, Loji dan Peralatan lain meliputi kos perolehannya dan sebarang kos sampingan pemerolehan. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus. Kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:-

<u>Aset-aset</u>	<u>Kadar (%)</u>
Bangunan	2%
Tanah Pajak	Baki Tempoh Pajak
Penghawa Dingin	20%
Jentera Pertanian	20%
Komputer	20%
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan kedai	20%
Ubahsuai	10%

3.2 Pengiktirafan Dividen

Koperasi akan mengambilkira cadangan dividen ke atas Modal Syer Anggota sebelum diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai liabiliti dalam tahun kewangan semasa bagi memenuhi peruntukan **SubSeksyen 57 (5)(b), Akta Koperasi 1993**.

3.3 Pelaburan

Pelaburan syer siar harga dinyatakan pada nilai semasa. Peruntukan rosot atau naik nilai pelaburan akan dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer.

Pelaburan syer tak siar harga dinyatakan pada nilai yang wajar. Peruntukan rosot/penjejasan akan ditolak dari kos pemerolehan. (Perenggan 59 (e), GP 23 (Pindaan) 2020)

3.4 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diukur menggunakan model kos kecuali Instrumen kewangan yang dinilai secara saksama/harga pasaran. Koperasi akan menghapuskan kerugian dan sepenuhnya sekiranya berlaku rosotnilai/penjejasan nilai aset (impairment) di mana amaun bawaan (carrying amount) melebihi amaun boleh pulih (recoverable amount).

3.5 Pelaburan Hartanah

Sebarang kenaikan dan penurunan dalam nilai pelaburan hartanah akan dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana sebelum ini berlaku kejatuhan dalam nilai pelaburan hartanah dan amaun kejatuhan tersebut telah dicajkan sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi, maka amaun yang boleh dikreditkan ke Akaun Untung Rugi daripada kenaikan nilai pelaburan hartanah hanya setakat amaun yang dicajkan sebagai belanja, sebarang lebih hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

NOTA 3 : POLISI-POLISI PERAKAUNAN (samb..)

3.5 Pelaburan Hartanah (samb..)

Bagi tanah milik koperasi yang dibangunkan oleh pemaju walaupun masih belum dipindah hakmilik **dan dianggap telah dilupuskan** (deemed disposal), keuntungan daripada pelupusan ini hendaklah diakaunkan **sebagai pendapatan tertangguh/tertunda** di Kunci Kira-Kira. Pengiktirafan pendapatan di akaun untung rugi adalah mengikut terma pembayaran.

3.6 Pinjaman Anggota

Bayaran perkhidmatan pinjaman dikira atas pinjaman yang telah diluluskan dan dibayar bersama-sama dengan ansuran pokok pinjaman setiap bulan. Bayaran perkhidmatan pinjaman akan diambilkira sebagai pendapatan pada akhir tempoh kewangan semasa koperasi.

Baki pinjaman yang substantial jumlahnya dan tidak dapat dikutip akan dilaporkan di dalam laporan berkanun Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3)(4), Akta Koperasi 1993. Baki pinjaman yang tidak berbayar melebihi enam bulan, akan dikelaskan sebagai pinjaman tidak berbayar. Bagi pinjaman yang tidak berbayar melebihi 9 bulan ke 12 bulan, peruntukan hutang ragu 50% akan dibuat, manakala pinjaman tidak berbayar melebihi 12 bulan, peruntukan 100% akan dibuat. *(Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 15(2005))*

3.7 Penjejasan / Rosotnilai Aset-aset

Nilai buku aset-aset akan dinilai samada terdapatnya tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai buku dan nilai pasaran.

Kerugian rosotnilai jika ada, akan diambilkira di dalam Akaun untung Rugi. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset-aset tersebut diambilkira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai buku aset-aset tersebut boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan rosotnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi.

3.8 Penghutang

Nilai bersih penghutang dicatat pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskira dalam tempoh yang ditentukan. Anggaran penghutang ragu akan dibuat berasaskan kepada semakan jumlah tunggakan pada akhir tahun.

Baki penghutang yang dihapuskira dan terjejas nilainya secara substantial, nilai tersebut akan dilaporkan dalam laporan Lembaga. *(Subseksyen 59(3) & (4) Akta Koperasi 1993)*

3.9 Rosotnilai Aset-aset

Nilai bersih aset-aset akan dinilai samada terdapatnya tanda-tanda penjejasan nilai. Penjejasan nilai aset-aset diukur dengan membandingkan nilai bersih dan nilai semasa aset-aset berkenaan.

Penjejasan nilai jika ada, akan diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset-aset berkenaan diambilkira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian penjejasan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai bersih aset-aset tersebut boleh dipastikan, seandainya tiada kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian nilai semula aset-aset tersebut diambilkira di dalam Akaun Untung Rugi.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

NOTA 3 : POLISI-POLISI PERAKAUNAN (samb..)

3.10 Pengiktirafan Hasil

Hasil-hasil diiktiraf apabila risiko dan milikan telah berpindah kepada pembeli. Hasil diukur menurut nilai saksama dengan balasan diterima atau akan diterima, setelah ditolak diskaun.

i) Fee Masuk

Fee masuk yang diterima dalam tahun telah dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil Koperasi. (*Perenggan 13(3), Undang-undang Kecil Koperasi*)

ii) Jualan

Hasil dari jualan diiktiraf apabila risiko dan milikan telah berpindah kepada pembeli. Hasil diukur menurut nilai saksama dengan balasan diterima atau akan diterima, setelah ditolak diskaun.

iii) Sewa

Hasil sewa diukur pada asas akruan mengikut perjanjian sewaan berkenaan.

iv) Hibah/Dividen

Hibah dan dividen diiktiraf mengikut asas akruan tempoh kewangan.

3.11 Belanja Cukai, Cukai Tertunda dan Zakat

Belanja Cukai

Belanja cukai dalam tahun meliputi peruntukan cukai semasa dan cukai tertunda, dan dinyatakan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

Peruntukan cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai tahun semasa dan dikira menggunakan kadar efektif cukai secara substantif pada tarikh Kunci Kira-Kira Koperasi.

Peruntukan cukai semasa koperasi adalah seperti di Nota 40. Peruntukan cukai ini walaubagaimana pun adalah tertakluk kepada persetujuan daripada pihak LHDN. Pelarasan sewajarnya akan dibuat setelah jumlah cukai sebenar muktamad.

Cukai Tertunda

Cukai tertunda aset atau liabiliti dikira menggunakan kaedah perbezaan sementara di antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf atas semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf atas semua perbezaan sementara dibenarkan, kerugian bercukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh cukai terdapat untuk digunakan dalam perbezaan sementara dibenarkan, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda aset dan liabiliti menunjukkan gelagat koperasi dalam menjangkakan dan menyelesaikan kesan cukai, nilai aset dan liabiliti yang dikira pada kadar cukai semasa dan perundangan yang digunakan dalam tempoh aset direalisasikan dan liabiliti diselesaikan mengikut kadar cukai statutori pada tarikh laporan disediakan.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

NOTA 3 : POLISI-POLISI PERAKAUNAN (samb..)

Zakat

Peruntukan zakat tahun semasa adalah seperti di Akaun Pembahagian Keuntungan. Jumlah ini walaubagaimana pun akan ditentukan oleh pihak Pungutan Zakat Negeri dan pelarasan sewajarnya akan dibuat setelah jumlah zakat sebenar diperolehi.

3.12 Tunai & Setara Tunai

Tunai dan setara tunai adalah wang tunai di tangan, baki-baki dan deposit di bank, pelaburan-pelaburan yang mudah dicairkan dan overdraf bank.

3.13 Manfaat Pekerja

i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun dimana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Koperasi.

ii) Pelan sumbangan yang diiktiraf

Koperasi membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagaimana yang diperuntukan oleh Undang-Undang Malaysia. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Akaun Untung Rugi apabila ia tertanggung.

3.14 Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Kegiatan koperasi terdedah kepada pelbagai risiko kewangan. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi secara keseluruhannya adalah bertujuan untuk memaksimumkan pulangan kepada anggota.

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan risiko kewangan Koperasi. Anggota Lembaga sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

i) Risiko kredit

Koperasi sentiasa berusaha untuk melabur dengan berhati-hati dan menguntungkan. Koperasi menguruskan risiko kredit dengan memastikan sebahagian besar jualan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dengan risiko kredit yang berpatutan.

ii) Risiko kecairan dan aliran tunai

Koperasi menguruskan risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dari kemudahan kredit bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan tanggungan kewangannya.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025****NOTA 4 : HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

	Baki pada 01/01/2025 RM	Tambahan dalam tahun RM	Jual /lupus dalam tahun RM	Baki pada 31/12/2025 RM
<u>Kos</u>				
Tanah Ladang Sawit	11,903,196	-	-	11,903,196
Kos Tanam Semula				
Dalam Pelaksanaan	2,125,410	444,246	-	2,569,656
Bangunan	100,717	-	-	100,717
Kenderaan	136,471	-	-	136,471
Jentera Pertanian	1,014,600	84,000	-	1,098,600
Komputer	166,373	1,899	-	168,272
Penghawa Dingin	18,274	-	-	18,274
Perabot & Kelengkapan				
Pejabat	137,760	-	-	137,760
Ubahsuai	420,604	9,600	-	430,204
Jumlah Kos	16,023,405	539,745	-	16,563,150
<u>Susutnilai Berkumpul</u>				
Tanah Ladang Sawit	1,360,371	148,790	-	1,509,161
Kos Tanam Semula				
Dalam Pelaksanaan	-	-	-	-
Bangunan	84,635	2,014	-	86,649
Kenderaan	86,431	27,294	-	113,725
Jentera Pertanian	967,390	40,400	-	1,007,790
Komputer	149,086	11,412	-	160,498
Penghawa Dingin	16,494	1,769	-	18,263
Perabot & Kelengkapan				
Pejabat	120,023	8,868	-	128,891
Ubahsuai	356,705	11,046	-	367,751
Jumlah Susutnilai	3,141,135	251,593	-	3,392,728
<u>Nilai Buku Bersih</u>				
Tanah Ladang Sawit	10,542,825	-	-	10,394,035
Kos Tanam Semula				
Dalam Pelaksanaan	2,125,410	-	-	2,569,656
Bangunan	16,082	-	-	14,068
Kenderaan	50,040	-	-	22,746
Jentera Pertanian	47,210	-	-	90,810
Komputer	17,287	-	-	7,774
Penghawa Dingin	1,780	-	-	11
Perabot & Kelengkapan				
Pejabat	17,737	-	-	8,869
Ubahsuai	63,899	-	-	62,453
Jumlah Nilai Buku Bersih	12,882,270	-	-	13,170,422

Nota-nota :

1) Koperasi dalam proses untuk menanam semula sawit di Tanah Ladang Sepayang. Proses tanam semula bermula pada tahun 2023 dan mengambil masa 3 tahun sebelum pokok sawit mengeluarkan hasil. Rosotnilai pokok sawit tersebut akan mula dikira setelah pokok sawit mengeluarkan hasil.

2) Koperasi memilih untuk menggunakan model kos bagi mengiktiraf kos Tanah Ladang Sawit atas ketidakwajaran kos dan usaha (undue cost and effort) dalam penilaian tanah ladang sawit berkenaan.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025****NOTA 5 : PELABURAN HARTANAH**

	2025 RM	2024 RM
Kos Perolehan	3,643,757	3,643,757
<u>Tolak: Peruntukan Susutnilai</u>		
Baki awal	638,636	565,761
Peruntukan dalam tahun	72,875	72,875
Jumlah	711,511	638,636
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	2,932,246	3,005,121

Nota-nota :

1) Pelaburan hartanah adalah tanah atau bangunan bagi tujuan memperoleh sewaan atau peningkatan nilai hartanah atau kedua-duanya sekali.

2) Hartanah ini merupakan bangunan-bangunan kedai dan pejabat, pegangan pajakan. Lokasi hartanah ini adalah di Kuantan dan Jengka.

3) Koperasi menggunakan model kos dalam penilaian pelaburan hartanah dan akan mengambilkira penjejasan nilai hartanah (sekiranya ada) pada pelaburan tersebut dalam tempoh kewangan.

NOTA 6 : PELABURAN SYER TAK SIAR HARGA

	2025 RM	2024 RM
1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (100,000 unit saham x RM1.00)	100,000	100,000
2. Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (1,103,000 unit saham x RM1.00)	1,103,000	1,103,000
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	1,203,000	1,203,000

NOTA 7 : PINJAMAN ANGGOTA

	2025 RM	2024 RM
Baki pada 1 Januari	590,761	585,910
Pinjaman dikeluarkan dalam tahun	816,978	504,269
	1,407,739	1,090,179
Tolak : Ansuran pinjaman diterima dalam tahun	(578,557)	(499,418)
	829,182	590,761
Tolak : Pinjaman lebih drpd 12 bulan	(500,000)	(500,000)
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	329,182	90,761

Pinjaman anggota adalah jenis pembiayaan Al-Qardul Hassan dan Al-Murabahah. Tempoh bayaran balik pinjaman masing-masing tidak melebihi 30 bulan dan 120 bulan.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025****NOTA 7 : PINJAMAN ANGGOTA (samb..)**

Surat-surat pengesahan baki telah diedarkan kepada semua peminjam. Analisa jawapan kepada pengesahan baki tersebut adalah seperti berikut :

	Bil. Peminjam	Nilai RM
Anggota yang mengesahkan	396	485,086
Tiada jawapan	367	344,096
Jumlah Pengesahan	763	829,182
Peratus jawapan dari jumlah edaran (%)	52%	59%

NOTA 8 : PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	2025 RM	2024 RM
Dominion Square Sdn Bhd (No. Syarikat:434668-U)	1,683,824	1,683,824

Butiran syarikat bersekutu :

Nama Syarikat	: Dominion Square Sdn Bhd
Jumlah Pegangan (%)	: 7.63% (RM 1,683,824)
No. Pendaftaran	: 434668-U
Aktiviti Utama	: Pengilangan kelapa sawit

Keputusan kewangan syarikat bersekutu adalah berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan 31 Disember 2025.

Kedudukan aset & liabiliti syarikat bersekutu adalah seperti berikut :

Aset Bukan Semasa	23,447,114	22,339,341
Aset Semasa	59,146,728	45,357,445
Jumlah Aset	82,593,842	67,696,786
Ekuiti	23,543,830	24,182,584
Liabiliti Bukan Semasa	95,000	-
Liabiliti Semasa	58,955,012	43,514,202
Jumlah Ekuiti & Liabiliti	82,593,842	67,696,786

Keputusan Kewangan Syarikat Bersekutu :

Jumlah Hasil	245,934,885	224,901,784
Jumlah Perbelanjaan	243,579,095	220,606,210
Untung / (Rugi) Semasa	2,355,790	4,295,574

Pendedahan maklumat Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu adalah seperti menurut Perenggan 59(f) & Lampiran 5, Perenggan 1, GP 23(pindaan) 2020.

KOPERASI LKPP PAHANG BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025****NOTA 9 : AKAUN DEPOSIT KOPERASI (ADK)**

	2025	2024
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	1,589,001	1,248,846
Tambahan Dalam Tahun	386,910	340,155
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	1,975,911	1,589,001

Nota :

